

LAMPIRAN A

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/AGENSI
A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19			
2.	YB Banting	- Van dan Bas Selangorku, di setiap PBT boleh untuk digunakan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di Kawasan pedalaman Selangor. Aset di GLC dan PBT digunakan sebagai pusat vaksinasi.	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSAB) telah menyediakan 2 buah Van untuk kegunaan Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam bagi Program <i>Outreach</i> Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Peringkat Daerah Sabak Bernam dari rumah ke rumah dan penghantaran pesakit Covid 19 ke MAEPS.
3.	YB Bukit Lanjan	- Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin.	- Di daerah Sabak Bernam 2 buah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Integrasi telah diwujudkan di bawah Protect Health Corporation Sdn. Bhd seperti berikut: i. PPV Dewan Seri Sekinchan dikendalikan oleh Klinik Siti. ii. PPV Dewan Tun Razak dikendalikan oleh Mega Klinik Zahran.

4.	YB Sungai Air Tawar	- Pemantapan operasi bersepadu pemberian vaksin melalui pelan tindakan yang tersusun melibatkan semua agensi kerajaan (PBT, PDT, Penghulu, Ketua Kampung). - Memperkasakan Program Vaksinasi Selangor. Mohon menambah PPV di Sungai Air Tawar kerana penduduk perlu ke luar dari kawasan untuk vaksinasi.	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam serta Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam telah berganding bahu bersama Penghulu dan Ketua Kampung bagi pelaksanaan Program <i>Outreach</i> Imunisasi Covid-19 dari rumah ke rumah untuk membolehkan lebih ramai penduduk daerah Sabak Bernam menerima suntikan vaksin terutamanya golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). - Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terhampir bagi kawasan DUN Sungai Air Tawar telah diwujudkan iaitu PPV Integrasi di Dewan Tun Razak, Sabak Bernam.
5.	YB Kuang	- Vaksinasi COVID-19 kepada penjawat awam perlu dipercepatkan supaya mereka boleh ke pejabat dengan kadar kehadiran yang lebih tinggi. - Pusat Vaksin – Vaksinasi secara mobil. Pemberian vaksin rumah ke rumah untuk warga emas 60 tahun ke atas.	- Bagi penjawat awam (<i>Frontliners</i>) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bukan KKM telah diberi keutamaan pemberian suntikan vaksin Fasa 1. - Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam serta Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam telah melaksanakan Program <i>Outreach</i> Imunisasi Covid-19 dari rumah ke rumah.

13.	YB Sekinchan	- Pemberian vaksin untuk semua tanpa mengira fahaman politik. Segerakan pemberian vaksin di PPV. PPV baru 5/7 dibuka berbanding klinik-klinik kecil sebelum ini.	- Pemberian suntikan vaksin di daerah Sabak Bernam diberi berdasarkan panggilan yang telah dibuat melalui MySejahtera. Sehingga kini, 3 buah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Daerah Sabak Bernam telah dibuka dan setiap PPV mampu menampung kapasiti penerima vaksin seramai 1000 orang setiap hari. Terdapat beberapa kategori PPV diwujudkan iaitu PPVA, PPVI, PPVKK, PPVGP, PPV <i>Outreach</i> dan PPP Hospital untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada semua penduduk.
B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT			
2.	YB Sungai Air Tawar	- Tahap kesihatan mental di Negeri Selangor amatlah membimbangkan dengan bilangan kes bunuh diri yang meningkat. Dicadangkan supaya diadakan <i>online counselling</i> kepada rakyat.	- Program <i>Online Counselling</i> kepada rakyat telah diwujudkan oleh kerajaan melalui Sistem Psikologi Dan Kaunseling Online Selangor (e-Psy selangor).
D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
3.	YB Pelabuhan Klang	- Menyelesaikan masalah capaian internet jalur lebar di kawasan-kawasan pedalaman khususnya memandangkan masih terdapat	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Telekom Malaysia (TM) bagi meningkatkan

		Kawasan-kawasan berkaitan yang tidak mendapat capaian internet yang baik.	capaian jalur lebar di semua Mukim daerah Sabak Bernam. Mesyuarat terkini yang telah diadakan pada 30 Jun 2021.
4.	YB Kuang	- Penangguhan projek-projek pembangunan yang berskala besar dan dianjakkan ke tahun 2022 supaya Kerajaan Negeri memberi fokus sepenuhnya kepada masalah rakyat sepanjang tempoh PKP. - Projek-projek kecil yang berimpak tinggi boleh diberi keutamaan terlebih dahulu memandangkan tempoh pelaksanaanya boleh dilaksanakan dengan cepat. - Peruntukan JKR- memantau semula projek menaiktaraf Lorong Melati Kuang ke Sg Buloh kerana terdapat kecacatan fizikal projek tersebut. - Peruntukan PBT - Kerja pembersihan sampah dikembalikan semula kepada PBT kerana KDEB Waste gagal membersihkan kawasan taman dan kawasan komersial yang lain dengan sempurna. Pemantauan kutipan sampah adalah lemah dan tidak mengikut jadual.	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam mengambil maklum perkara ini. Perancangan projek bagi tahun 2021 tertakluk kepada arahan kebenaran melaksanakan kerja oleh pihak KKR. Buat masa ini hanya kerja-kerja dibawah peruntukan KPKT yang dilaksanakan oleh PBT dapat berjalan seperti biasa.

9.	YB Seri Setia	- Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT.	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengambil Inisiatif penyusunan semula jalan-jalan milik JKR, JPS dan MDSB telah dibuat pada tahun 2020 untuk penyerahan semula jalan kepada agensi berkenaan. PDTSB telah selesai membuat serahan jalan bersama JKR dan masih menggerakkan usaha untuk penyerahan jalan dalam kawasan JPS dan MDSB.
21.	YB Permatang	- Cadangan menaik taraf baikpulih luar bandar dari tanah merah kepada <i>crusher ran</i> menggunakan peruntukan MARRIS. - Menaiktaraf jaringan jalur lebar di kawasan kampung atau luar bandar.	- Peruntukan MARRIS hanya boleh digunakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan yang telah didaftarkan di dalam sistem. Peruntukan daripada KPLB boleh digunakan bagi tujuan naiktaraf ini dan kemudian jalan tersebut boleh didaftarkan dalam sistem MARRIS bagi tujuan penyelenggaraan. - Pihak PDTSB telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak TM berkenaan perkara ini dan usaha ini masih sedang berjalan.

25.	YB Sabak	- Mohon menambah peruntukan bagi membaiki rumah rakyat miskin.	- Jumlah permohonan bantuan baikpulih rumah dari tahun 2019 hingga Julai 2021 di Sabak Bernam berjumlah 37 rumah dan masih belum dibaik pulih atau diberikan bantuan. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa di peringkat UPEN sebanyak satu kali setahun dipinda kepada suku tahunan dan berkala untuk menyalurkan bantuan baik pulih dengan cepat dan berkesan.
26.	YB Sungai Panjang	- Tambah baik sistem Wifi di Negeri Selangor kerana walaupun disediakan tetapi tidak dapat digunakan.	- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Telekom Malaysia (TM) bagi meningkatkan capaian jalur lebar di semua Mukim daerah Sabak Bernam. Mesyuarat terkini yang telah diadakan pada 30 Jun 2021.

F. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PETANI DAN NELAYAN

2.	YB Sabak	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon mewujudkan peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Mohon PKPS ambil industri padi Negeri Selangor untuk	- Tindakan dan langkah kawalan daripada Pejabat Pertanian Daerah dan pihak IADA dilaksanakan dari masa ke semasa. - Kawasan Skim Pengairan Panchang Bedena dan Bagan Terap (ISA4) seluas 6,805.2 hektar telah dikesan serangan
----	----------	---	---

		menyelesaikan masalah berkenaan tanaman padi di Negeri Selangor.	Ulat Lipat Daun dan Ulat Pengorek Batang seluas 6,632.4 hektar (97.5%) pada Musim 1/2021. - Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membelanjakan RM1 juta untuk pembelian input (racun kimia jenama Pixy dan pelekak) untuk Program Kawalan Bersepadu. - Seluas 759 hektar kawasan sawah padi telah melaksanakan kawalan bersepadu dengan menyembur racun pada musim 1/2021 mengikut pengesyoran peringkat tanaman padi. - Baki input yang selebihnya akan digunakan pada musim penanaman akan datang bagi Kawalan Bersepadu Ulat Lipat Daun dan Ulat Pengorek Batang pada musim 2/2021. - Laporan berkaitan serangan Ulat Lipat Daun dan Ulat Pengorek Batang ini telah dihantar ke peringkat YB Exco dan juga MAFI. - Penanaman Padi Wangi MRQ 76 melalui program FGV di daerah Sabak Bernam adalah seluas 177 hektar pada musim 1/2021. - Pembekal perkhidmatan yang terlibat ialah Koperasi Berkat Padi dan Koperasi
--	--	---	---

			Parit 5 Timur dan kini sedang proses penuaian di Sungai Besar. - Program penanaman Padi Wangi MRQ 76 akan terus dilaksanakan pada musim 2/2021.
3.	YB Sungai Panjang	- Masalah serangan serangga perosak batang tanaman padi. Mohon peruntukan khas untuk menangani masalah ini. Juga menambahbaik sistem pengairan dan perparitan bagi mengelakkan banjir serta menambah peruntukan untuk penyelenggaraan palung yang rosak.	- Data daripada Pejabat Pertanian Daerah boleh digunakan bagi tujuan permohonan peruntukan khas ini. - IADA Barat Laut Selangor kini sedang melaksanakan projek menaiktaraf taliair terusan dari taliair tanah ke taliair konkrit bagi meningkatkan keupayaan sistem pengairan melalui projek seperti berikut: i. Kerja-kerja penstabilan tebing serta kerja-kerja berkaitan dari <i>outlet</i> rumah pam Bagan Terap, Parit 13 ke Parit 10 Timur, daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. ii. Membina dan menyiapkan infrastruktur pengairan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan pengairan Sungai Panjang fasa 2, IADA Barat Laut Selangor, Selangor Darul Ehsan. - JPS juga, telah memohon peruntukan menaiktaraf palong sediada melalui MAFI kerana usia palong telah melebihi 35 tahun (telah uzur) dan terdapat banyak

			kerusakan dan sentiasa mengalami kerusakan. Permohonan ini adalah untuk menjamin bekalan air untuk pengairan sawah padi bagi jangka masa panjang. Walaubagaimanapun, pihak JPS sentiasa membaiki kerusakan kritikal bagi memastikan bekalan air ke sawah padi tidak terjejas bagi jangka masa pendek.
G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR			
5.	YB Sungai Panjang	- Projek Selangor Smart Agro Park. Mohon status tapak projek tersebut yang telah dihenti tugas. Kerajaan Negeri dan PKPS sepatutnya mengkaji dahulu dari segi kesan alam sekitar sebelum melaksanakan projek tersebut.	- Projek Selangor Smart Agro Park tersebut dilaksanakan dalam tanah dan tapak hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Pihak PKPS dalam proses menyiapkan kajian EIA seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi membolehkan pelaksanaan projek tersebut.
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
 (AMRI BIN ISMAIL) PEGAWAI DAERAH SABAK BERNAM			